

INTERNATIONAL JOURNAL OF  
EDUCATION, PSYCHOLOGY  
AND COUNSELLING  
(IJEPC)

[www.ijepe.com](http://www.ijepe.com)



**REKAYASA DAKWAH KBAT DALAM KALANGAN MAHASISWA  
DI UNIVERSITI MALAYSIA SABAH MENERUSI KURSUS  
PENGHAYATAN ETIKA DAN PERADABAN**

*THE ENGINEERING OF DAKWAH KBAT AMONG STUDENTS AT UNIVERSITY  
MALAYSIA SABAH THROUGH THE  
ETHICS AND CIVILIZATION COURSE*

Saifulazry Mokhtar<sup>1\*</sup>, Mohd Kamal Mohd Shah<sup>2\*</sup>, Habibah @ Artini Ramlie<sup>3\*</sup>, Irma Wani Othman<sup>4</sup>, Romzi Ationg<sup>5</sup>, Mohd. Sohaimi Esa<sup>6</sup>, Syamsul Azizul Marinsah<sup>7</sup>

<sup>1</sup> Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah  
Email: saifulazry.mokhtar@ums.edu.my

<sup>2</sup> Fakulti Kejuruteraan, Universiti Malaysia Sabah  
Email: mkamalms@ums.edu.my

<sup>3</sup> Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah  
Email: habibah\_artini@ums.edu.my

<sup>4</sup> Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah  
Email: irma@ums.edu.my

<sup>5</sup> Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah  
Email: mrationg@ums.edu.my

<sup>6</sup> Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah  
Email: msohaimi@ums.edu.my

<sup>7</sup> Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah  
Email: syamsulazizul@ums.edu.my

\* Corresponding Author

**Article Info:**

**Article history:**

Received date: 10.03.2021

Revised date: 15.04.2021

Accepted date: 15.05.2021

Published date: 31.05.2021

**Abstrak:**

Dakwah merupakan satu usaha dalam memperbaiki tingkahlaku dari suatu keadaan yang kurang baik kepada keadaan yang lebih baik. Pelaksanaan dakwah tersebut perlu berteraskan kepada keadaan dan keselesaan golongan sasaran dakwah. Pendekatan dakwah adalah berbeza antara satu golongan dengan golongan yang lain, termasuklah golongan mahasiswa. Pelaksanaan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) turut dituntut bagi melaksanakan dakwah dalam kalangan mahasiswa

**To cite this document:**

Mokhtar, S., Mohd Shah, M. K., Ramlie, H., Othman, I. W., Ationg, R., Esa, M. S., Marinsah, S. A. (2021). Rekayasa Dakwah KBAT dalam Kalangan Mahasiswa di Universiti Malaysia Sabah Menerusi Kursus Penghayatan Etika dan Peradaban. *International Journal of Education, Psychology and Counselling* 6 (39), 182-197.

DOI: 10.35631/IJEPC.6390012

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



kerana golongan ini mempunyai tahap berfikir yang tinggi. Kajian ini bertujuan untuk melihat rekayasa dakwah dalam kalangan mahasiswa di Universiti Malaysia Sabah menerusi kursus umum universiti iaitu Penghayatan Etika dan Peradaban (PEDP) dari sudut penerimaan dakwah dan keselesaan mereka dalam menerima teguran dan nasihat. Kajian ini menggunakan kaedah soal selidik yang dijalankan menerusi *google form* terhadap mahasiswa yang telah megambil kursus Penghayatan Etika dan Peradaban (PEDP) pada semester lalu. Kajian mendapati majoriti mahasiswa sangat bersetuju dengan pendekatan dan rekayasa dakwah yang diaplikasikan oleh pensyarah dalam kursus Penghayatan Etika dan Peradaban. Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) yang diselitkan dengan unsur-unsur dakwah membolehkan mahasiswa dapat menerima ilmu dengan mudah dan santai serta meninggalkan kesan positif dalam kehidupan mereka. Kajian ini diharapkan agar menjadi satu penanda aras dalam pelaksanaan dakwah pada era globalisasi kini khususnya dalam rekayasa dakwah terhadap golongan mahasiswa.

**Kata Kunci:**

Rekayasa Dakwah, Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT), Dakwah Golongan Mahasiswa, Universiti Malaysia Sabah, Penghayatan Etika dan Peradaban (PEDP)

**Abstract:**

Da'wah is an effort in improving behavior from a poor condition to a better situation. The implementation of the da'wah should be based on the condition and comfort of the da'wah target group. The approach of da'wah differs from one group to another, including the students. The implementation of High-Level Thinking Skills (KBAT) is also required in implementing da'wah among students because this group has a high level of thinking. This study aims to look at the engineering of da'wah among students at University Malaysia Sabah through the university's general course, The Appreciation of Ethics and Civilization (PEDP) from the point of acceptance of da'wah and their comfort in receiving feedback and advice. This study used the questionnaire method conducted through google form to students who have taken the Ethics and Civilization Appreciation course (PEDP) in the last semester. The study found that most students strongly agreed with the approach and engineering of da'wah applied by lecturers in the Ethics and Civilization Appreciation course. Teaching and Learning (PdP) that is infused with elements of da'wah enables students to receive knowledge easily and relax and leave a positive impact in their lives. This study is expected to be a benchmark in the implementation of da'wah in the current era of globalization, especially in the engineering of da'wah towards students.

**Keywords:**

Da'wah Engineering, High Level Thinking Skills (KBAT), Da'wah among Students, University Malaysia Sabah, Ethics and Civilization Appreciation (PEDP)

**Pendahuluan**

Pendidikan adalah satu proses penyampaian ilmu dari seorang individu kepada individu lain bagi memastikan kelangsungan ilmu pengetahuan berterusan sehingga generasi seterusnya. Pendidikan juga perlu kepada bentuk rekayasa yang digunakan oleh seseorang dalam menyampaikan ilmu dan maklumat. Menurut Kamus Dewan (2015:1305), rekayasa bermaksud penerapan unsur-unsur ilmu, budaya dan sebagainya dalam perancangan, mekanisme kerja dan lain-lain sebagai asas melaksanakan sesuatu. Rekayasa dakwah pula membawa maksud penerapan unsur-unsur ilmu dakwah yang sesuai dengan keadaan, situasi

**Special Issue: Perspectives and Practices of Education Sustainability at Malaysian Higher Learning Institutions**

dan kehendak penerima dakwah agar dakwah yang dijalankan dapat diterima dengan hati yang terbuka. Penerapan unsur-unsur ilmu atau rekayasa dakwah perlu dimiliki oleh setiap pendakwah sebelum mereka turun ke kancah realiti kehidupan dakwah. Ia bertujuan supaya agenda dan matlamat dakwah yang dibawa tersebut dapat diterima dan terkesan ke lubuk sanubari golongan sasaran dakwahnya. Tanpa penguasaan rekayasa dakwah terlebih dahulu, kemungkinan besar seseorang pendakwah itu tidak akan memperoleh kejayaan dan cita-cita yang diigaukan.

Dakwah mempunyai pelbagai bentuk dan wajah sama ada secara terang ataupun sulit, secara keras dan kasar ataupun secara lemah lembut, secara sindirian, kiasan, *'street to point'* dan sebagainya berpaksikan kepada kehendak dan keupayaan seseorang pendakwah. Para pendakwah seharusnya menggunakan elemen Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) sebagai strategi menarik minat golongan sasaran dakwahnya. Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) bermaksud keupayaan mengaplikasikan pengetahuan, kemahiran dan nilai dalam membuat penaaakulan dan refleksi bagi menyelesaikan masalah, membuat keputusan berinovasi dan berupaya mencipta sesuatu. Dewasa ini, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah memperkenalkan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dalam sistem pendidikan di sekolah rendah dan sekolah menengah sebagai medium untuk menghasilkan modal insan yang cerdas, kreatif dan inovatif bagi memenuhi cabaran abad ke 21 seterusnya mampu bersaing di persada dunia. Galakkan ini sangat bertepatan dengan penekanan yang dianjurkan oleh Islam iaitu keupayaan akal fikiran yang dijadikan elemen utama dalam pembentukan pelajar yang bersifat holistik iaitu seimbang dalam kecemerlangan akademik dan kemandapan akhlak.

Seperti yang kita maklum bahawa pembudayaan KBAT dalam pendidikan merupakan salah satu daripada program yang diperkenalkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) bagi melahirkan generasi yang mampu berfikir secara kritis dan kreatif serta mampu berkomunikasi sehingga ke peringkat global. Seajar dengan program tersebut, pengkaji berpendapat idea yang menarik ini dapat diteruskan dan diterapkan dalam kalangan mahasiswa di seluruh universiti bagi meneruskan kelangsungan dan harapan kementerian dalam proses kemenjadian pelajar suatu hari nanti. Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) dalam kursus-kursus yang ditawarkan oleh universiti perlu diterapkan rekayasa dakwah KBAT agar mahasiswa lebih terbuka untuk mengeksploitasi pemikiran dan ilmu pengetahuan yang dipelajari seterusnya dapat mengadaptasikan nilai-nilai murni tersebut dalam kehidupan seharian mereka.

Dalam kajian ini, pengkaji melihat rekayasa dakwah KBAT berdasarkan kursus wajib universiti yang perlu diambil oleh setiap mahasiswa di setiap universiti termasuklah di Universiti Malaysia Sabah iaitu Kursus Penghayatan Etika dan Peradaban (PEDP). Kursus Penghayatan Etika dan Peradaban (PEDP) ini adalah satu kursus baharu yang menggantikan kursus Hubungan Etnik sebelum ini. Kursus ini perlu diambil oleh setiap mahasiswa tanpa mengira agama, etnik dan sebagainya. Dengan kepelbagaian etnik dalam kalangan mahasiswa yang mengambil kursus ini, para pensyarah perlu bijak mengatur langkah dalam menyampaikan ilmu seterusnya menjadikan proses Pengajaran dan Pembelajaran dapat dijalankan dengan lancar. Justeru, kajian ini turut mengkaji tahap keberkesanan rekayasa dakwah KBAT dalam kursus Penghayatan Etika dan Peradaban (PEDP) membantu penerapan nilai-nilai murni dalam kehidupan mahasiswa di Universiti Malaysia Sabah.

### Literatur Kajian

Amalan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) merupakan satu tuntutan masakini dalam kaedah Pengajaran dan Pembelajaran di abad ke 21. Kemahiran ini bertujuan memberi peluang kepada pelajar terlibat untuk menggunakan kecerdasan mindanya dalam aktiviti yang mereka lakukan seperti memerhati, berimajinasi dan meneroka berdasarkan keperluan dalam menguji sikap berdikari pada peringkat perkembangan kehidupan. Terdapat beberapa kajian yang telah dijalankan oleh sarjana berkaitan dengan pendekatan KBAT dalam pendidikan. Kajian Mohd Syaubari dan Ahmad Yunus (2017) berkaitan dengan pelaksanaan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dalam Pendidikan Islam membentuk penghayatan akidah dalam kalangan pelajar di negeri Perak mendapati tahap penghayatan akidah pelajar bersandarkan pengaplikasian KBAT di dalam PdP adalah tinggi. Ini menunjukkan bahawa pengaplikasian KBAT dalam mata pelajaran Pendidikan Islam adalah sangat diperlukan pada masa kini. Dalam kajian Nik Mohd Anuar dan Khadijah (2019) pula meninjau tahap Pengetahuan dan Kesiediaan Murid Terhadap Kemahiran Berfikir Aras Tinggi dalam Mata Pelajaran Pendidikan Islam Rendah di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Hasil kajian beliau menunjukkan kefahaman dan kesiediaan mengenai konsep KBAT dapat membantu murid sekolah rendah mengukuhkan pengetahuan mereka dan dapat meningkatkan pencapaian mereka dalam pembelajaran Pendidikan Islam.

Selain itu, kepentingan pelaksanaan pedagogi Pendidikan Islam melalui KBAT turut digalakkan bagi memudahkan pelajar berfikir secara kreatif dan kritis. Kajian Mohd Syaubari (2018) membuktikan menerusi konteks falsafah ilmu yang bersifat akademik dianggap eurosentrik dan mengabaikan paradigma tauhid sehingga memerlukan konsep-konsep asas di dalam PdP untuk diteliti semula bagi melaksanakan agenda gagasan transformasi Islamisasi merentasi hubungan ilmu. Begitu juga dengan kajian Saipolbarin, Muhammad Taufiq, Nazri & Taj Rijal (2019) berkaitan integrasi antara elemen Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dan instrumen kit media dalam amalan Pembelajaran dan Pemudahcaraan (PdPc) guru-guru pelatih bahasa Arab UPSI. Kajian mereka mendapati integrasi penggunaan kit media dalam Pembelajaran dan Pemudahcaraan (PdPc) Bahasa Arab dapat merangsang aktiviti KBAT dalam kalangan pelajar yang menjadi tunjang utama untuk menghasilkan perkembangan pelajar sebagai fokus dalam Pendidikan. Kemahiran Berfikir Aras Tinggi dalam mata pelajaran Reka Bentuk dan Teknologi (RBT) di sekolah rendah juga ditekankan oleh Mohamad Nurul Azmi, Nurzatulshima, Umi Kalthom dan Mohd Hazwan (2017). Kajian mereka bertujuan untuk membincangkan kesiediaan guru, masalah dan keperluan guru dalam melaksanakan pengajaran mata pelajaran RBT melalui integrasi KBAT di peringkat sekolah rendah. Hasil kajian beliau mendapati guru RBT perlu melengkapkan diri dengan pengetahuan dan kemahiran pedagogi KBAT dalam usaha untuk meningkatkan KBAT dalam kalangan murid. Guru juga perlu memberikan sokongan dan perkembangan profesional yang berterusan dalam pengkhususan mata pelajaran RBT agar guru-guru RBT dapat menguasai pengetahuan kandungan dan pedagogi dari segi teori dan praktikal.

Pendekatan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) juga diperlukan dalam mata pelajaran Bahasa Melayu kerana ia dapat membantu pelajar lebih berfikir dengan matang dalam menguasai asas Bahasa Melayu. Kajian Chew dan Zul Hazmi (2018) mendapati tahap penguasaan murid dalam aspek KBAT yang meliputi kekerapan dan keberkesanan dalam pelaksanaan KBAT serta perbezaan amalan penyediaan KBAT dengan latar belakang responden murid. Guru Bahasa Melayu (BM) di SJK khususnya perlu menggandakan usaha

**Special Issue: Perspectives and Practices of Education Sustainability at Malaysian Higher Learning Institutions**

dalam menyelesaikan masalah penguasaan asas Bahasa Melayu (BM) dalam kalangan murid agar KBAT dapat diaplikasikan dalam PdPc dengan lebih lancar. Pendekatan KBAT juga diperlukan dalam pembelajaran komponen sastera (KOMSAS) Bahasa Melayu di peringkat menengah sepertimana kajian yang dijalankan oleh Nasyimah dan Zamri (2016). Kajian tersebut bertujuan untuk mengkaji sikap dan kesediaan pelajar sekolah menengah terhadap penerapan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dalam pembelajaran komponen sastera (KOMSAS) dalam mata pelajaran Bahasa Melayu. Dapatan kajian mereka mendapati KBAT semakin diterima di sekolah dan pelajar menunjukkan kecenderungan untuk mempelajarinya dengan lebih mendalam khususnya bagi mata pelajaran KOMSAS. Guru Bahasa Melayu juga perlu mencipta suasana pembelajaran yang lebih kondusif menggunakan KBAT di dalam bilik darjah supaya dapat meningkatkan minat pelajar untuk mempelajari KOMSAS dalam mata pelajaran Bahasa Melayu.

Pelaksanaan KBAT dalam Pendidikan juga perlu dilihat dari sudut pandangan tokoh pemikiran, sarjana dan pendidik itu sendiri dalam mengaplikasikan kaedah tersebut. Menurut pandangan Ibn Khaldun berdasarkan kajian Mohd Syaubari Ahmad Yunus (2017) amalan pelaksanaan yang mengintergrasikan KBAT ini telah merentasi keseluruhan mata pelajaran bersumberkan kepada aras *Taksonomi Bloom* ubahan Anderson dan Krathwohl. Sebagai contoh, pelaksanaan PdP Pendidikan Islam yang mengintergrasikan KBAT seharusnya menitikberatkan panduan yang telah dibentuk oleh Ibn Khaldun bagi memastikan nilai-nilai penghayatan dan pengamalan oleh pelajar menepati kehendak yang ditetapkan berasaskan acuan Falsafah Pendidikan Islam. Manakala menurut Imam al-Ghazali pula pendekatan KBAT dalam Pendidikan adalah melangkaui dengan teori tradisional yang dipelopori oleh Tyler, Taba, Dewey dan Bloom melalui pernyataan kurikulum adalah bersandarkan kepada prinsip tujuan, kandungan, penyampaian dan penilaian (Mohd Syaubari & Ahmad Yunus, 2017). Walau bagaimanapun, fokus utama dalam kandungan kurikulum menurut Imam Ghazali adalah bersandarkan kepada al-Quran dan Sunnah serta proses pendidikan yang seharusnya dilakukan secara bersistem dengan tujuan untuk melahirkan perubahan yang positif dalam setiap tingkah laku dan perwatakan pelajar. Dalam konteks amalan pengajaran guru bersandarkan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) menurut perspektif Imam Ghazali menemui tiga kerangka utama dalam amalan pengajaran guru berteraskan elemen KBAT iaitu kefahaman mengenai konsep ilmu dan kerangka, proses bagaimana pengajaran dilaksanakan dan nilai di dalam pengajaran (Mohd Syaubari & Ahmad Yunus, 2016).

Manakala kajian yang dijalankan terhadap pelaksanaan amalan pengajaran guru bagi peringkat sekolah menengah telah dilakukan oleh (Zuraidah, 2013) berkaitan kesediaan, amalan dan strategi pengajaran pendidikan Islam Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM). Dapatan kajian beliau menunjukkan tahap kesediaan guru sangat tinggi dalam melaksanakan Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) Pendidikan Islam KSSM dengan tidak ada perbezaan yang signifikan tahap kesediaan guru berdasarkan tempoh pengalaman mengajar. Dapatan beliau juga menunjukkan bahawa amalan strategi pengajaran yang digunakan oleh guru adalah strategi pemusatan guru dan strategi pemusatan pelajar yang berteraskan amalan pengajaran KBAT. Pendekatan KBAT dari persepsi pelajar juga turut dikaji bagi mengetahui tahap penerimaan dan keberkesanaan kaedah tersebut dalam pendidikan. Menurut Sarimah, Ab Halim, Mohd Aderi, Nurul Huda, Mohamad Maliki, Mohd Kashfi, Zahiah dan Mustafa Kamal (2011) dalam kajiannya berkaitan persepsi pelajar terhadap amalan pengajaran guru pendidikan Islam di lima buah sekolah peringkat menengah di Selangor mendapati amalan

pengajaran guru berlandaskan KBAT berada pada tahap tinggi dengan komponen permulaan pengajaran seperti item memperkenalkan tajuk pengajaran, memastikan pelajar dalam keadaan bersedia, memulakan pengajaran dengan set induksi yang menarik, aspek penutup dan rumusan berada pada tahap tinggi. Ini menunjukkan bahawa amalan guru pengajaran yang berkesan mampu memberi keupayaan kepada pelajar untuk melakukan dan mengaplikasikan KBAT dalam Pengajaran dan Pembelajaran.

Kajian berkaitan dakwah menerusi Kemahiran Berfikir Aras Tinggi turut dijalankan. Namun, hasil sorotan tidak menemui kajian yang menjurus kepada dakwah menerusi KBAT tersebut. Walau bagaimanapun terdapat beberapa kajian yang melibatkan pendekatan dakwah terhadap golongan-golongan tertentu oleh sarjana. Kajian yang dijalankan oleh Saifulazry, Kasoma dan Habibah Artini (2019) adalah untuk mengenal pasti pendekatan pelaksanaan dakwah JHEAINS di Penjara Sandakan. Hasil kajian mereka menunjukkan bahawa terdapat empat pendekatan dakwah yang digunakan oleh JHEAINS dan pihak Penjara Sandakan untuk mendidik dan mentarbiah banduan iaitu melalui *Da'wah bi al-Nafs*, *Da'wah Fardiyyah*, *Da'wah bi al-Hāl* dan *Da'wah al-Ām*. Manakala menerusi kajian Mohd Hamdan, Fariza dan A'dawiyah (2018) pula melihat pendekatan dalam dakwah terhadap golongan generasi Z menerusi konsep motivasi dan hubungannya dengan konsep *al-Targhib* dan *al-Tarhib*. Kajian tersebut bertujuan mengkaji konsep motivasi dan hubungannya dengan konsep *al-Targhib* dan *al-Tarhib* yang boleh diaplikasi kepada remaja ke arah meningkatkan kehidupan beragama dan mencegah mereka daripada terlibat dalam salah laku. Hasil kajian ini menunjukkan peneguhan pendekatan *al-Targhib* dan *al-Tarhib* terhadap remaja mampu mendorong mereka ke arah kebaikan dan meninggalkan segala kemungkar. Mereka berpendapat bahawa unsur *al-Targhib* dan *al-Tarhib* ini sangat sesuai dengan fitrah manusia yang menyukai motivasi dan dorongan serta takut pada gertakan dan amaran.


### **Metodologi Kajian**

Kajian ini melibatkan dua kaedah iaitu kaedah soal selidik dan temu bual. Kaedah soal selidik dijalankan ke atas 225 orang mahasiswa di Universiti Malaysia Sabah yang telah mengambil kursus Penghayatan Etika dan Peradaban (PEDP) pada tahun pertama pengajian sama ada pada semester pertama ataupun pada semester kedua menerusi *google form*. Memandangkan seluruh dunia kini berhadapan dengan pandemik Covid-19, kaedah soal selidik dan temu bual ini telah diterjemahkan ke dalam bentuk digital sesuai dengan perkembangan teknologi abad ke 21. Hasil dapatan dari *google form* tersebut akan diterjemah ke dalam bentuk graf dan carta pai bagi memudahkan data difahami. Manakala data dari temu bual yang dijalankan akan dijadikan sebagai justifikasi kepada maklumat data soal selidik yang diperolehi. Selain itu, kaedah temu bual digunakan bertujuan untuk mendapatkan pandangan pelajar secara keseluruhan terhadap rekayasa dakwah KBAT dalam kalangan mahasiswa di Universiti Malaysia Sabah menerusi kursus Penghayatan Etika dan Peradaban. Hasil temu bual ini dijadikan sebagai bukti tahap keberkesanan rekayasa dakwah KBAT yang diaplikasikan oleh pensyarah terhadap mahasiswa UMS menerusi kursus Penghayatan Etika dan Peradaban (PEDP).

### **Perbincangan Dapatan Kajian**

Bagi mencapai objektif kajian yang dijalankan, pengkaji telah menjalankan soal selidik terhadap 225 orang mahasiswa yang telah mengambil dan mengikuti kursus Penghayatan Etika dan Peradaban (PEDP) di Universiti Malaysia Sabah. Berikut adalah hasil dapatan

Special Issue: Perspectives and Practices of Education Sustainability at Malaysian Higher Learning Institutions  
kajian rekayasa dakwah KBAT dalam kalangan mahasiswa UMS yang dijalankan berdasarkan umur responden.




**Rajah 1: Umur**

Sumber: Kajian Rekayasa Dakwah KBAT Dalam Kalangan Mahasiswa di UMS Menerusi Kursus PEDP

Rajah 1 menunjukkan bilangan kelas umur responden yang terlibat dalam kajian ini. Graf menunjukkan lingkungan kelas umur mahasiswa yang memberi respon terhadap soal selidik yang dijalankan iaitu diantara 19 tahun sehingga 25 tahun. Mahasiswa yang berumur 21 tahun adalah mendominasi responden kerana lingkungan umur ini adalah umur normal bagi seseorang pelajar yang bergelar siswazah. Berdasarkan graf tersebut, seramai 110 atau 48.9% orang mahasiswa terdiri daripada mereka yang berumur 21 tahun, 74 atau 32.9% orang mahasiswa dalam lingkungan umur 20 tahun, 16 orang yang berumur 22 tahun, 12 orang mahasiswa yang berumur 23 tahun, 9 orang mahasiswa yang berumur 19 tahun, 3 orang mahasiswa yang berumur 24 tahun dan seorang mahasiswa yang berumur 25 tahun. Dengan berpandukan kepada tujuh peringkat umur mahasiswa tersebut, ia akan memberikan pandangan dan pendapat yang berbeza terhadap rekayasa dakwah KBAT yang dijalankan berdasarkan kepada kategori umur yang mereka miliki.


Persoalan pertama yang diajukan kepada mahasiswa adalah berkaitan dengan pendekatan yang digunakan oleh pensyarah PEDP tersebut berunsurkan KBAT. Persoalan ini timbul adalah kerana pendekatan yang digunakan oleh pensyarah dalam satu-satu sesi pengajaran dan pembelajaran adalah berbeza antara satu sama lain. Ia bergantung kepada sejauhmana keupayaan dan kreativiti seseorang pensyarah tersebut dalam kuliah yang disampaikan. Pendekatan yang digunakan oleh pensyarah dalam proses Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) adalah kelangsungan daripada Kemahiran Berfikir Aras Tinggi yang telah mahasiswa pelajari sewaktu di alam persekolahan sebelum ini. Oleh itu, pengkaji mendapatkan gambaran responden berkaitan dengan unsur Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dalam pendekatan yang digunakan oleh pensyarah sewaktu proses pengajaran dan pembelajaran kursus Penghayatan Etika dan Peradaban. Hasil dapatan soal selidik yang dijalankan dalam konteks pendekatan dakwah berteraskan KBAT adalah seperti Rajah 2.

**Rajah 2: Pendekatan Dakwah Berunsurkan KBAT**

Sumber: Kajian Rekayasa Dakwah KBAT dalam Kalangan Mahasiswa di UMS Menerusi Kursus PEDP

Berdasarkan kepada Rajah 2, seramai 210 orang mahasiswa atau 93.3% yang bersetuju mengatakan bahawa pensyarah telah menggunakan rekayasa dakwah berunsurkan KBAT sewaktu menjalankan proses Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) kursus Penghayatan Etika dan Peradaban dalam kuliah. Hanya seramai 15 orang mahasiswa atau 6.7% sahaja mahasiswa yang tidak bersetuju dengan mengatakan pendekatan yang digunakan oleh pensyarah PEDP tidak berunsurkan KBAT. Terdapat pelbagai bentuk pendekatan dakwah yang dibawa dan ditonjolkan oleh pensyarah dalam sesi kuliah yang disampaikan. Menurut Sifaelfa (2021) dan Nur Syakirah (2021) berpendapat, pensyarah menggunakan pendekatan yang baik dan mudah diterima oleh semua pelajar dalam proses Pengajaran dan Pembelajaran kursus Penghayatan Etika dan Peradaban. Para mahasiswa berasa senang hati dengan pendekatan yang telah diaplikasikan oleh pensyarah dalam pembelajaran. Permulaan kuliah yang diawali dengan puji-pujian kepada pencipta dapat menarik minat pelajar untuk memulakan kuliah dan sesi pembelajaran. Kaedah bertanyakan khabar pelajar, mengalu-alukan kehadiran serta mendoakan yang baik-baik kepada pelajar menjadi satu tarikan kepada pelajar dalam mempelajari topik pembelajaran. Walaupun ia merupakan perkara rutin bagi setiap pensyarah, namun sebenarnya ia adalah satu bentuk rekayasa dakwah KBAT yang dapat menarik mahasiswa untuk terus berada dalam sesi kuliah yang disampaikan.

Persoalan kedua yang dikaji adalah berkaitan dengan tahap penyelesaian mahasiswa dengan pendekatan dakwah yang digunakan oleh pensyarah. Berikut adalah hasil dapatan kajian penerimaan mahasiswa dengan kaedah pensyarah PEDP.


**Rajah 3: Tahap Keselesaan Mahasiswa Dengan Pendekatan Dakwah Yang Digunakan**

Sumber: Kajian Rekayasa Dakwah KBAT dalam Kalangan Mahasiswa di UMS Menerusi Kursus PEDP



Rajah 3 menunjukkan hasil dapatan kajian berkaitan dengan penerimaan mahasiswa terhadap pendekatan dakwah yang digunakan oleh pensyarah Penghayatan Etika dan Peradaban. Graf menunjukkan bahawa seramai 211 atau 93.7% orang mahasiswa yang bersetuju dapat menerima gaya dan persembahan pensyarah terhadap rekayasa dakwah yang dibawa oleh pensyarah manakala seramai 14 orang mahasiswa atau 6.3% yang tidak bersetuju dengan cara persembahan pensyarah dalam kuliah. Majoriti pelajar bersetuju dan senang menerima pendekatan yang diaplikasikan oleh pensyarah. Menurut Tan (2021), Rafidah (2021) dan Fernandez (2021) berpendapat, mereka suka dengan cara pembelajaran yang disampaikan oleh pensyarah PEDP. Pendekatan yang bersahaja dan berkonsepkan 'santai' membuatkan para pelajar senang menghadiri kuliah tersebut. Bagi Ezzah (2021) dan Mohd Dzul Ikram (2021) pula berpendapat, gaya dan persembahan pensyarah dalam kuliah sangat mudah dan senang difahami oleh pelajar. Oleh itu, pendekatan yang sesuai dan kreatif ini sangat sesuai diamalkan dalam setiap kuliah agar pelajar dapat memberi tumpuan seterusnya menguasai isi pembelajaran yang mereka pelajari.

Persoalan ketiga kajian ini adalah pendekatan nasihat yang digunakan oleh pensyarah PEDP dalam proses Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) yang disampaikan. Berikut adalah tahap keselesaan mahasiswa dengan pendekatan nasihat yang digunakan oleh pensyarah PEDP.




**Rajah 4: Tahap Keselesaan Pelajar Dengan Rekayasa Dakwah KBAT yang digunakan**

Sumber: Kajian Rekayasa Dakwah KBAT dalam Kalangan Mahasiswa di UMS Menerusi Kursus PEDP

Berdasarkan kepada Rajah 4, seramai 213 orang mahasiswa atau 94.7% selesa dengan pendekatan nasihat yang diaplikasikan oleh pensyarah dalam kuliah Penghayatan Etika dan Peradaban, manakala seramai 12 orang mahasiswa atau 5.3% mahasiswa yang tidak bersetuju dengan pendekatan yang digunakan oleh pensyarah PEDP. Dapatan kajian menunjukkan terdapat majoriti pelajar yang selesa dengan nasihat dan teguran pensyarah dalam kuliah PEDP sehingga pelajar tidak merasa bosan untuk menghadiri kuliah dan sentiasa menunggu masa kuliah Penghayatan Etika dan Peradaban setiap minggu. Menurut Aisah (2021) dan Dg. Nor Suziana (2021), pelajar sangat selesa belajar dan semangat untuk hadir ke setiap kali sesi kuliah PEDP. Beliau berpendapat, kombinasi kehidupan semasa dan bentuk nasihat yang sentiasa muncul dari patah perkataan pensyarah sangat disenangi oleh pelajar. Bagi Manisah (2021), beliau sangat selesa menerima teguran yang dilakukan oleh pensyarah dan ia menunjukkan pensyarah sangat menitikberatkan pelajar dalam setiap kuliah yang dijalankan.

Pemilihan pendekatan dakwah yang disukai oleh mahasiswa ketika pensyarah menyampaikan kuliah PEDP menjadi persoalan keempat dalam kajian rekayasa dakwah KBAT ini. Rajah 5 adalah hasil dapatan kajian yang diberikan oleh mahasiswa.



**Rajah 5: Rekayasa Dakwah Yang Disukai Oleh Mahasiswa**


Sumber: Kajian Rekayasa Dakwah KBAT dalam Kalangan Mahasiswa di UMS Menerusi Kursus PEDP

Rajah 5 menunjukkan bentuk rekayasa dakwah yang disukai dan disenangi oleh mahasiswa ketika pensyarah menyampaikan kuliah PEDP. Terdapat empat bentuk rekayasa dakwah yang diterimapakai oleh mahasiswa iaitu dengan cara santai dan bersahaja, menggunakan nasihat yang lemah lembut, menegur dengan cara menggunakan contoh orang lain dan memperingati kesalahan yang dilakukan. Menurut Saifulazry, Mohd Nur Hidayat, Abang Mohd Razif, Irma Wani, Mohd Sohaimi, Romzi dan Siti Aidah (2021), sebelum seseorang itu melaksanakan aktiviti dakwah atau pengajaran, mereka hendaklah terlebih dahulu membekalkan diri mereka dengan kemahiran berkomunikasi dan rekayasa dakwah yang menarik. Berdasarkan rajah 5, majoriti pelajar suka dan senang menerima pendekatan santai dan bersahaja iaitu seramai 129 orang mahasiswa atau 57.3%. Pendekatan ini disukai kerana pelajar kurang senang dengan kuliah yang dijalankan dalam keadaan terlalu formal, komunikasi sehalu, stress, tiada unsur kecedaan dan sebagainya.

Bentuk rekayasa dakwah yang kedua disukai oleh mahasiswa adalah menerusi nasihat yang lemah lembut. Carta pai menunjukkan seramai 73 orang mahasiswa atau 32.4% senang dengan pendekatan tersebut. Lemah lembut yang dimaksudkan di sini adalah penggunaan komunikasi yang baik, teratur dan memberi penerangan kuliah dalam keadaan tenang dan meninggalkan impak positif kepada pelajar. Menurut Aldo (2021), Mohammad Aiman (2021) dan Matchandra (2021), pendekatan lemah lembut dalam penyampaian kuliah yang dilakukan oleh pensyarah PEDP adalah rekayasa dakwah terbaik yang tunjukkan kepada mahasiswa. Penggunaan komunikasi yang baik serta melibatkan interaksi dua hala telah menarik minat pelajar untuk mengikuti kuliah yang dijalankan (Yeo, 2021) dan (Del Elfiere, 2021). Dengan pendekatan ini para pelajar dapat menumpukan perhatian sepenuhnya terhadap proses Pengajaran dan Pembelajaran yang dijalankan seterusnya dapat memahami topik pembelajaran dengan mudah.

Rekayasa dakwah seterusnya yang disukai oleh mahasiswa adalah menerusi kaedah menegur dengan cara menggunakan contoh orang lain iaitu seramai 12 orang atau 5.3% dan memperingati kesalahan yang dilakukan oleh mereka iaitu seramai 11 orang atau 4.9%. Menegur dengan cara menggunakan contoh orang lain di sini bermaksud pensyarah menyatakan kesalahan-kesalahan yang telah dilakukan oleh mahasiswa sebelum ini dengan hukuman yang dikenakan ke atas mereka. Dengan contoh-contoh seperti ini, mahasiswa dapat menjadikan contoh tersebut sebagai panduan agar mereka tidak melakukan kesalahan yang sama. Menurut Mohammad Azhan (2021), Norasmia (2021) dan Damia Nurnisa (2021), perkara yang membuatkan pelajar seronok untuk belajar PEDP adalah pendekatan pensyarah yang berhikmah dalam menegur pelajar, sentiasa mengingatkan pelajar terhadap kesan-kesan melakukan kesalahan, mengajar secara santai dan padat, memberikan contoh-contoh terkini yang dikaitkan dengan kehidupan serta berkonsepkan tenang dalam penyampaian menjadikan pelajar tidak stress dan mudah untuk memberi perhatian dengan apa yang disampaikan.

Selain itu, kajian ini turut melihat bentuk nasihat atau teguran yang mudah mahasiswa terima sekiranya mereka melakukan kesalahan. Dapatan hasil kajian kelima ini adalah berdasarkan kepada rajah 6 berikut.



**Rajah 6: Nasihat Yang Mudah Diterima Oleh Mahasiswa**

Sumber: Kajian Rekayasa Dakwah KBAT dalam Kalangan Mahasiswa di UMS Menerusi Kursus PEDP

Rajah 6 menunjukkan bentuk nasihat atau teguran yang mudah mahasiswa terima sekiranya mereka melakukan kesalahan. Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat beberapa kaedah dan cara yang sesuai dilaksanakan terhadap mahasiswa di Universiti Malaysia Sabah iaitu menerusi kaedah menegur terus kesalahan yang dilakukan, menegur secara kiasan, menegur secara sindiran dan menegur mahasiswa yang melakukan kesalahan dengan cara menyatakan kesan kesalahan yang dilakukan oleh mereka. Berdasarkan graf tersebut kaedah menegur mahasiswa yang melakukan kesalahan dengan cara menyatakan kesan kesalahan yang dilakukan oleh mereka adalah kaedah yang paling disukai oleh pelajar iaitu seramai 137 orang mahasiswa atau 60.9%. Kaedah kedua yang disenangi oleh mahasiswa adalah menerusi kaedah menegur terus kesalahan yang dilakukan iaitu 20% atau seramai 45 orang mahasiswa. Menegur secara kiasan pula adalah kaedah ketiga yang disukai oleh mahasiswa iaitu seramai

**Special Issue: Perspectives and Practices of Education Sustainability at Malaysian Higher Learning Institutions**  
32 orang atau 14.2% manakala menegur secara sindiran merupakan pilihan kaedah terakhir pelajar iaitu seramai 11 orang atau 4.9%.

Menurut Mohammad Hafizan (2021) kaedah menegur dengan cara berhemah yang digunakan oleh pensyarah sangat meninggalkan kesan dalam hati pelajar. Pelajar merasa senang dengan kaedah teguran yang digunakan oleh pensyarah kerana teguran yang dilafazkan adalah secara umum tanpa menyebut nama-nama individu yang terlibat secara langsung. Dengan kaedah ini, pelajar tidak merasa malu kerana diaibkan namanya bahkan ia meninggalkan kesan yang baik dalam diri pelajar. Manakala Nurul Nabilah (2021) dan Nur Asyiqin (2021) pula berpendapat teguran secara santai dan bersahaja yang digunakan oleh pensyarah PEDP telah memberikan impak yang besar ke dalam diri mahasiswa kerana teguran tersebut mempunyai maksud tersirat dan mendalam.

Memandangkan kursus Penghayatan Etika dan Peradaban (PEDP) ini adalah kursus umum dimana pelajar terdiri daripada pelbagai kaum, bangsa, agama dan budaya, ia menuntut pensyarah PEDP agar bijak dalam menyampaikan kuliah bagi menarik minat pelajar untuk terus mendapatkan ilmu pengetahuan. Pendekatan ini juga merupakan rekayasa dakwah KBAT yang perlu diamalkan oleh setiap pensyarah. Pengkaji turut mendapatkan pandangan pelajar secara keseluruhannya berkaitan dengan rekayasa dakwah KBAT yang diaplikasikan oleh pensyarah PEDP sama ada pelajar suka ataupun sebaliknya. Dapatan kajian menunjukkan bahawa seramai 225 orang pelajar suka dengan rekayasa dakwah KBAT yang ditunjukkan oleh pensyarah dalam setiap kali kuliah yang dijalankan.

Kepelbagaian Rekayasa dakwah KBAT yang diaplikasikan oleh pensyarah menarik minat pelajar untuk terus seronok dalam pembelajaran PEDP. Menurut Siti Noorsyahidah (2021), Warren (2021) dan Kek (2021) berdedikasi dalam pembelajaran dan layanan sama rata kepada semua mahasiswa menjadi satu aspek keseronokkan dalam mengikuti kelas Penghayatan Etika dan Peradaban (PEDP). Menurut Nurhidayah (2021) dan Ng (2021) rekayasa dakwah yang mereka sukai adalah penerapan nilai yang ada dalam setiap topik dihuraikan dengan jelas dan dikaitkan dengan contoh-contoh semasa. Hal ini dapat menarik minat pelajar dan memudahkan pelajar untuk memahami isi pembelajaran. Pendekatan ini turut memberikan input yang sangat menarik kepada pelajar serta mencerna idea dan pemikiran mahasiswa (Farahena, 2021).

Bagi pendapat Nur Izzah Syafiqah (2021) dan Azaredin (2021), rekayasa dakwah yang mereka sukai adalah pensyarah mengambil berat akan masalah-masalah pelajar. Pensyarah menunjukkan sikap ambil tahu yang tinggi kepada pelajar-pelajarnya dengan memberikan tunjuk ajar dalam menyiapkan tugas individu dan berkumpulan. Pensyarah turut mengingatkan pelajar pada setiap minggu sesi kuliah berkaitan tarikh penghantaran tugas, permasalahan yang timbul dalam topik PEDP dan sebagainya. Begitu juga pendapat Kimiko Faith (2021), Mohammad Amilshahril Edzuan (2021) dan Nur Syakira (2021) dimana rekayasa dakwah yang terkesan dihati mereka adalah apabila pensyarah sering menasihati pelajar dan memahami keadaan pelajar dari semasa ke semasa. Rekayasa dakwah KBAT ini sebenarnya adalah salah satu perkara yang menjadi kayu ukur kepada keberkesanan dakwah yang dijalankan.

### Kesimpulan

Pendekatan KBAT dalam sesi Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) adalah sangat diperlukan bagi melahirkan mahasiswa yang dapat berfikir secara kreatif dan kritis dalam kehidupan mereka serta dapat membuat sesuatu keputusan dengan cepat dan tepat. Ia juga memudahkan proses penyampaian ilmu kepada pelajar sekaligus mencapai objektif Pengajaran dan Pembelajaran yang diharapkan. Kebijaksanaan pensyarah dalam mengaplikasikan rekayasa dakwah KBAT yang pelbagai turut membantu mahasiswa lebih berdisiplin dan sentiasa mengasah minda mereka untuk melakukan sesuatu perkara yang lebih cenderung ke arah positif. Kejayaan dakwah tersebut dapat diukur dengan adanya komunikasi dua hala dimana pensyarah selesai dengan proses pengajaran yang dijalankan manakala para pelajar senang menerima ilmu yang disampaikan oleh pensyarah tersebut. Justeru, bagi memastikan kejayaan dan keberkesanan proses Pengajaran dan Pembelajaran, para pensyarah perlu lebih kreatif dan inovatif dalam menarik minat mahasiswa ketika sesi kuliah berlangsung dengan berteraskan kepada rekayasa dakwah KBAT agar objektif pembelajaran yang disarankan tercapai.

### Penghargaan

Manuskrip ini dihasilkan berasaskan dana Geran Penyelidikan Penerbitan sumbangan Global Academic Excellence (GAE) (Kod Geran: TLS2102).

### Bibliografi

- Abdullah Nasih Ulwan. (2002). *Pendidikan Anak-anak dalam Islam*. Syed Ahmad Semait (terj.) Singapura: Pustaka Nasional Pte.Ltd.
- Aisah Malik. (2021). *Rekayasa Dakwah KBAT dalam kalangan Mahasiswa di Universiti Malaysia Sabah menerusi Kursus Penghayatan Etika dan Peradaban*. 22 Tahun.
- Aldo Olong. (2021). *Rekayasa Dakwah KBAT dalam kalangan Mahasiswa di Universiti Malaysia Sabah menerusi Kursus Penghayatan Etika dan Peradaban*. 21 Tahun.
- Azaredin Othman. (2021). *Rekayasa Dakwah KBAT dalam kalangan Mahasiswa di Universiti Malaysia Sabah menerusi Kursus Penghayatan Etika dan Peradaban*. 22 Tahun.
- Chew Fong Peng & Zul Hazmi Hamad. (2018). Kemahiran Berfikir Aras Tinggi dalam Pembelajaran dan Pemudahcaraan Bahasa Melayu Melalui Teknik Penyoalan. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu – JPBM*. ISSN: 2180-4842. Vol. 8, Bil. 1 (Mei 2018): 1-12.
- Damia Nurnisa Berhanuddin. (2021). *Rekayasa Dakwah KBAT dalam kalangan Mahasiswa di Universiti Malaysia Sabah menerusi Kursus Penghayatan Etika dan Peradaban*. 21 Tahun.
- Delfiero Eddie. (2021). *Rekayasa Dakwah KBAT dalam kalangan Mahasiswa di Universiti Malaysia Sabah menerusi Kursus Penghayatan Etika dan Peradaban*. 23 Tahun.
- Dg. Nor Suziana Harun@Said. (2021). *Rekayasa Dakwah KBAT dalam kalangan Mahasiswa di Universiti Malaysia Sabah menerusi Kursus Penghayatan Etika dan Peradaban*. 21 Tahun.
- Ezzah Raihanie Azamain. (2021). *Rekayasa Dakwah KBAT dalam kalangan Mahasiswa di Universiti Malaysia Sabah menerusi Kursus Penghayatan Etika dan Peradaban*. 20 Tahun.
- Farahena Rosmin. (2021). *Rekayasa Dakwah KBAT dalam kalangan Mahasiswa di Universiti Malaysia Sabah menerusi Kursus Penghayatan Etika dan Peradaban*. 21 Tahun.

- Special Issue: Perspectives and Practices of Education Sustainability at Malaysian Higher Learning Institutions**
- Fernandez Balin Anak Siam. (2021). *Rekayasa Dakwah KBAT dalam kalangan Mahasiswa di Universiti Malaysia Sabah menerusi Kursus Penghayatan Etika dan Peradaban*. 23 Tahun.
- Kamus Dewan. (2015). Edisi Keempat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kek Xin Jin. (2021). *Rekayasa Dakwah KBAT dalam kalangan Mahasiswa di Universiti Malaysia Sabah menerusi Kursus Penghayatan Etika dan Peradaban*. 21 Tahun.
- Kimiko Faith Jackson. (2021). *Rekayasa Dakwah KBAT dalam kalangan Mahasiswa di Universiti Malaysia Sabah menerusi Kursus Penghayatan Etika dan Peradaban*. 22 Tahun.
- Manisah Awang Kechil. (2021). *Rekayasa Dakwah KBAT dalam kalangan Mahasiswa di Universiti Malaysia Sabah menerusi Kursus Penghayatan Etika dan Peradaban*. 22 Tahun.
- Matchandra Abd Halik. (2021). *Rekayasa Dakwah KBAT dalam kalangan Mahasiswa di Universiti Malaysia Sabah menerusi Kursus Penghayatan Etika dan Peradaban*. 21 Tahun.
- Mohamad Nurul Azmi Mat Nor, Nurzatulshima Kamarudin, Umi Kalthom Abdul Manaf dan Mohd Hazwan Mohd Puad. (2017). Penerapan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dalam Kurikulum Reka Bentuk dan Teknologi (RBT) Sekolah Rendah. *International Journal of Education and Training (INJET)* 3(2) November: 1- 7 (2017).
- Mohammad Amilshahril Edzuan Shajami. (2021). *Rekayasa Dakwah KBAT dalam kalangan Mahasiswa di Universiti Malaysia Sabah menerusi Kursus Penghayatan Etika dan Peradaban*. 21 Tahun.
- Mohammad Azhan Arsad. (2021). *Rekayasa Dakwah KBAT dalam kalangan Mahasiswa di Universiti Malaysia Sabah menerusi Kursus Penghayatan Etika dan Peradaban*. 21 Tahun.
- Mohammad Hafizan Suhaimi. (2021). *Rekayasa Dakwah KBAT dalam kalangan Mahasiswa di Universiti Malaysia Sabah menerusi Kursus Penghayatan Etika dan Peradaban*. 22 Tahun.
- Mohd Aiman Abu Baharin. (2021). *Rekayasa Dakwah KBAT dalam kalangan Mahasiswa di Universiti Malaysia Sabah menerusi Kursus Penghayatan Etika dan Peradaban*. 21 Tahun.
- Mohd Dzul Ikram Ahmad. (2021). *Rekayasa Dakwah KBAT dalam kalangan Mahasiswa di Universiti Malaysia Sabah menerusi Kursus Penghayatan Etika dan Peradaban*. 24 Tahun.
- Mohd Hamdan Abdullah, Fariza Md. Sham & A'dawiyah Ismail. (2018). Pendekatan Motivasi dalam Dakwah Remaja. *Jurnal Hadhari*. 10 (1) (2018) 77-92. ISSN: 1985-6830.eISSN: 2550-2271.
- Mohd Syaubari Othman & Ahmad Yunus Kassim. (2016). Elemen Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) di dalam Amalan Pengajaran Guru Pendidikan Islam Menurut Imam Ghazali. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah*. VOL.3, Bil 2 (2016): 80-91.
- Mohd Syaubari Othman dan Ahmad Yunus Kassim. (2017). Isu dan Permasalahan (PDP) Pelaksanaan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dalam Amalan Pengajaran Guru Menurut Pandangan Ibn. Khaldun. *Journal of Human Capital Development*. ISSN: 1985-7012 Vol. 10 No. 1 Jan - June 2017.
- Mohd Syaubari Othman. (2018). Kepentingan Pelaksanaan Pedagogi Pendidikan Islam melalui Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dapat Memenuhi Aspirasi Falsafah Pendidikan Islam. *Jurnal 'Ulwan*. Jilid 1 2018: 58-69.

- Special Issue: Perspectives and Practices of Education Sustainability at Malaysian Higher Learning Institutions**
- Nasyimah Ismail & Zamri Mahamod. (2016). Sikap dan Kesiapan Pelajar Sekolah Menengah terhadap Kemahiran Berfikir Aras Tinggi dalam Pembelajaran KOMSAS Bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu – JPBM*. ISSN: 2180-4842. Vol. 6, Bil. 2 (Nov. 2016): 59-67.
- Ng Jia Xuan. (2021). *Rekayasa Dakwah KBAT dalam kalangan Mahasiswa di Universiti Malaysia Sabah menerusi Kursus Penghayatan Etika dan Peradaban*. 21 Tahun.
- Nik Mohd Anuar & Khadijah Abdul Razak. (2019). Pengetahuan dan Kesiapan Murid Terhadap Kemahiran Berfikir Aras Tinggi dalam Mata Pelajaran Pendidikan Islam Rendah di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. *International Conference on Global Education VII “Humanising Technology for IR 4.0”*. Padang Panjang, 1–2 Julai.
- Norasmia Lyatina. (2021). *Rekayasa Dakwah KBAT dalam kalangan Mahasiswa di Universiti Malaysia Sabah menerusi Kursus Penghayatan Etika dan Peradaban*. 21 Tahun.
- Nur Asyiqin Tioh. (2021). *Rekayasa Dakwah KBAT dalam kalangan Mahasiswa di Universiti Malaysia Sabah menerusi Kursus Penghayatan Etika dan Peradaban*. 21 Tahun.
- Nur Izzah Syafiqah Reduan. (2021). *Rekayasa Dakwah KBAT dalam kalangan Mahasiswa di Universiti Malaysia Sabah menerusi Kursus Penghayatan Etika dan Peradaban*. 21 Tahun.
- Nur Syahira Arsad. (2021). *Rekayasa Dakwah KBAT dalam kalangan Mahasiswa di Universiti Malaysia Sabah menerusi Kursus Penghayatan Etika dan Peradaban*. 21 Tahun.
- Nur Syakirah Suhaimi. (2021). *Rekayasa Dakwah KBAT dalam kalangan Mahasiswa di Universiti Malaysia Sabah menerusi Kursus Penghayatan Etika dan Peradaban*. 21 Tahun.
- Nurhidayah Djahriansyah. (2021). *Rekayasa Dakwah KBAT dalam kalangan Mahasiswa di Universiti Malaysia Sabah menerusi Kursus Penghayatan Etika dan Peradaban*. 21 Tahun.
- Nurul Nabilah Nahrawi. (2021). *Rekayasa Dakwah KBAT dalam kalangan Mahasiswa di Universiti Malaysia Sabah menerusi Kursus Penghayatan Etika dan Peradaban*. 20 Tahun.
- Rafidah Kamur. (2021). *Rekayasa Dakwah KBAT dalam kalangan Mahasiswa di Universiti Malaysia Sabah menerusi Kursus Penghayatan Etika dan Peradaban*. 22 Tahun.
- Saifulazry Mokhtar, Kasoma Thia & Habibah Artini Ramlie. (2019). Pendekatan Dakwah JHEAINS terhadap Banduan di Penjara Sandakan: Satu Tinjauan Awal. *Jurnal al-Hikmah*. 11(2) 2019: 68-87.
- Saifulazry Mokhtar, Mohd Nur Hidayat Hasbollah Hajimin, Abang Mohd Razif Abang Muis, Irma Wani Othman, Mohd Sohaimi Esa, Romzi Ationg d& Siti Aidah Lukin@Lokin. (2021). Analisis Prinsip-Prinsip Komunikasi Islam dalam Kitab al-Quran. *International Journal of Law, Government and Communication (IJLGC)*. Volume 6 Issue 23 (April 2021). 140-156.
- Saipolbarin Ramli, Muhammad Taufiq Abdul Ghani, Nazri Atoh & Taj Rijal Muhammad Romli. (2019). Integrasi Elemen Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) Berasaskan Kit Media dalam Amalan Pembelajaran dan Pemudahcaraan Guru Pelatih Bahasa Arab. *International Journal of Language Education and Applied Linguistics (IJLEAL)*. Vol. 9, No. 1, 33-44.

**Special Issue: Perspectives and Practices of Education Sustainability at Malaysian Higher Learning Institutions**

- Sarimah Mokhtar, Ab Halim Tamuri, Mohd Aderi Che Noh, Nurul Huda Hassan, Mohamad Maliki Ali, Mohd Kashfi Mohd Jailani, Zahiah Haris@ Harith & Mustafa Kamal Ahmad Kassim. (2011). *Kajian Persepsi Pelajar Terhadap Personaliti dan Amalan Pengajaran Guru Pendidikan Islam Sekolah Menengah di Selangor*. Prosiding Penyelidikan International Conference and Exhibition on Research Islamic and Arabic Language Education. Bangi: Association of Malaysian Muslim Intellectual.
- Sifaelfa Sokiong. (2021). *Rekayasa Dakwah KBAT dalam kalangan Mahasiswa di Universiti Malaysia Sabah menerusi Kursus Penghayatan Etika dan Peradaban*. 20 Tahun.
- Siti Noor Syahidah Sahili. (2021). *Rekayasa Dakwah KBAT dalam kalangan Mahasiswa di Universiti Malaysia Sabah menerusi Kursus Penghayatan Etika dan Peradaban*. 21 Tahun.
- Tan Zhe Cong. (2021). *Rekayasa Dakwah KBAT dalam kalangan Mahasiswa di Universiti Malaysia Sabah menerusi Kursus Penghayatan Etika dan Peradaban*. 21 Tahun.
- Warren Jalit Anak Epit. (2021). *Rekayasa Dakwah KBAT dalam kalangan Mahasiswa di Universiti Malaysia Sabah menerusi Kursus Penghayatan Etika dan Peradaban*. 20 Tahun.
- Yeo Hui May. (2021). *Rekayasa Dakwah KBAT dalam kalangan Mahasiswa di Universiti Malaysia Sabah menerusi Kursus Penghayatan Etika dan Peradaban*. 21 Tahun.
- Zuraidah Ramdzan@Ramban. (2013). *Kesediaan, Amalan dan Strategi Pengajaran Pendidikan Islam Kurikulum Standard Sekolah Rendah Tahun Satu (KSSR)*. Johor Bharu. Universiti Teknologi Malaysia.